

26/11/1999

Calon bertembung, penyokong barisan alternatif bingung

Nazar Abdul

BEBERAPA kawasan di Perak, Pahang dan Sarawak menyaksikan calon-calon parti pembangkang - Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bertanding sesama sendiri menentang calon Barisan Nasional (BN). Keadaan ini berlaku walau pun mereka mewakili barisan alternatif yang sepatutnya meletakkan hanya seorang calon untuk melawan habis-habisan BN. Sebelum ini barisan alternatif berikrar dan sepakat untuk meletakkan hanya satu parti bertanding bagi setiap kerusi sama ada kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Di kawasan berkenaan pertandingan satu lawan satu dengan BN, tidak wujud. Sebaliknya, parti-parti berkenaan terpaksa bersaing sesama sendiri untuk meraih kemenangan.

Selepas penamaan calon 20 November lalu, kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Aulong, Rapat Setia, Pokok Assam dan Kuala Kurau serta kerusi Parlimen Taiping di Perak ditandingi oleh dua calon daripada barisan alternatif untuk menentang calon BN. Keadaan yang sama berlaku di DUN Damak di Pahang dan kerusi Parlimen Batang Sadong di Sarawak.

Di DUN Aulong, Kuala Kurau, Pokok Assam dan Rapat Setia calon BN ditentang oleh calon Keadilan dan DAP manakala di kerusi DUN Damak di Pahang dan kerusi Parlimen Batang Sadong di Sarawak, calon BN ditentang oleh calon Pas dan Keadilan.

Calon BN di Rapat Setia Chang Kon You ditentang calon Keadilan, Shuib Sahadin dan calon DAP, Mohamad Asri Othman. Calon BN di Aulong Yong Sing Chee ditentang calon DAP, Abdul Hamid Salleh dan calon Keadilan, Zulkifli. Di DUN Pokok Asam, calon BN, Ho Cheng Wang dicabar oleh calon DAP, Mah Om Ching dan calon Keadilan Ng On Han. Begitu juga di kerusi Parlimen Taiping yang calon BN, Datuk Kerk Choo Ting ditentang calon Keadilan, Dr Lim Kean Ghee dan calon DAP, Abdul Hamid Ahmad.

Di DUN Damak, Pahang calon BN, Lau Lee ditentang calon Keadilan, Ng How Ann dan calon Pas, Mohd Zai Mustafa manakala calon BN di kerusi Parlimen Batang Sadong Sukinam Domo ditentang calon Pas, Othman Mustapha dan calon Keadilan, Sahari Pet.

Mengulas perkara ini Pengerusi DAP Dr Chan Man Hin menganggap berlaku salah faham di kalangan jawatankuasa barisan alternatif peringkat negeri. Jurucakap barisan alternatif, Rustam A Sani pula tidak tahu bagaimana perkara itu boleh berlaku. Mampukah barisan alternatif menyelesaikan masalah itu sebelum hari pembuangan undi 29 November ini. Setakat ini, setiap mereka berkempen dengan harapan untuk menang. Tidak dapat dielakkan, mereka perlu menonjolkan diri dan menganggap calon lain tidak perlu diberi undi. Oleh itu, calon barisan alternatif terpaksa memburukkan sesama sendiri.

Apa yang pasti tidak wujud penyelerasan dan persefahaman antara anggota barisan alternatif.

Kini timbul kebingungan penyokong barisan alternatif untuk memilih yang mana satu calon patut mereka pangkah pada pilihan raya nanti. Bagi penyokong Pas mereka pasti akan mengundi calon Pas. Begitu juga dengan penyokong DAP dan Keadilan. Mereka pasti memilih calon parti masing-masing. Ada juga pihak yang menyarankan mereka pilih mana-mana calon, asalkan mewakili barisan alternatif.

Di Sabah, selain calon barisan alternatif, calon BN ditentang calon Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan seperti di Tanjung Aru dan Penampang. Di Tanjung Aru, calon BN, Datuk Philip Yong ditentang calon DAP, Aoh Choo Hong dan calon PBS, Dr Yee Moh Chai manakala

di Penampang, calon BN, Philip Lasimbang dicabar calon DAP, Chin Syn Fu dan calon PBS, Edmund Doudilim.

Selain menghadapi barisan alternatif dan PBS, calon BN di beberapa kawasan di Sabah terpaksa menghadapi calon bebas seperti di Bandau, Kota Belud, Tuaran, Sipitang, Kinabalu, Beluran dan Tawau, menjadikan kawasan terbabit pertandingan tiga penjuru. Begitu juga di Sarawak, kawasan wujud persaingan tiga penjuru antara BN, barisan alternatif, Star dan bebas. Di Bandar Kuching, calon BN Datuk Song Swee Guan dicabar calon DAP, Chong Chieng Jen dan calon Bebas, Ng Kim Ho; di Kota Samarahan, calon BN, Ketua Menteri Tan Sri Amar Taib Mahmud ditentang calon Keadilan, Zulrusdi Mohd Hol dan calon Bebas Bujang Bakar manakala di Bukit Mas, calon BN, Henry Sung Agong dicabar calon Keadilan, Charlee Soh Cheng Hong dan calon Bebas, Mohamd Berahim.

Sementara itu di kawasan di mana calon barisan alternatif mewakili calon DAP bukan Melayu, penyokong Pas ramai yang meragui untuk memilih mereka kerana parti itu tidak menyokong pembentukan negara Islam. Jika mereka masih mengundi DAP, ia hanya bertujuan menjatuhkan kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan melupakan cita-cita Pas memperjuangkan Islam. Begitu juga penyokong DAP dikatakan agak keberatan untuk menyokong calon Pas kerana ini bermakna mereka menyokong pembentukan negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud.

(END)